

B B295 DEB
MAHATHIR - BUKTI

IPOH, 10 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMINTA PIHAK YANG MENDAKWA KONONNYA BELIAU MEMPUNYAI KEPENTINGAN PERNIAGAAN DI AUSTRALIA SUPAYA MEMBUAT KENYATAAN MENGENAI PERKARA ITU SECARA BERTERUS-TERANG BAGI MEMBOLEHKANNYA MENGAMBIL TINDAKAN SUSULAN.

BELIAU JUGA MENCABAR PIHAK BERKENAAN SUPAYA DATANG BERSEMUKA DENGANNYA BAGI MEMBUAT DAKWAAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN PETANG INI KETIKA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA MENGENAI DAKWAAN KALANGAN TERTENTU TENTANG PERKARA TERSEBUT.

MENGENAI DAKWAAN LAIN KONONNYA BELIAU TERBABIT SECARA LANGSUNG DALAM URUSAN PINJAMAN BANK BUMIPUTRA KEPADA MAMINCO, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KELULUSAN ITU DIBUAT OLEH KERAJAAN DAN BUKAN OLEH BELIAU.

BELIAU JUGA MEMINTA PIHAK YANG MENDAKWA KONONNYA MENTERI KEWANGAN, ENCIK DAIM ZAINUDDIN KERUGIAN \$1,000 JUTA EKORAN URUSANNYA DALAM PERNIAGAAN FLEET GROUP SUPAYA MENULIS SURAT KEPADANYA UNTUK MENJELASKAN DAKWAAN ITU. -- LAGI.
2048MST 10 04 87

D659

B B296 DEB
MAHATHIR - BUKTI 2 IPOH

KETIKA DITANYA ADAKAH BELIAU MENYEDARI ADA DI KALANGAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO TIDAK MENYETUJUI DENGAN DASAR KERAJAAN, BELIAU BERKATA, +KERAJAAN ADALAH KERAJAAN DAN MT ADALAH MT.+

+MT TIDAK PERNAH MENYATAKAN TIDAK (SETUJU) DAN TIDAK ADA PIHAK YANG ADA MENYEBUT DALAM MESYUARAT MT MENGATAKAN MEREKA TIDAK BERSETUJU DENGAN DASAR KERAJAAN+, TAMBAHNYA.

MENGENAI SOKONGAN PARA PERWAKILAN KEPADANYA, PERDANA MENTERI BERKATA: +TENGOK PADA 24 APRIL.+ -- BERNAMA.
2049MST 10 04 87